



PENGERUSI Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Norhayati Omar menziarah kanak-kanak berusia 11 tahun yang melahirkan bayi lelaki dan menerima rawatan di Hospital Tuanku Najihah Kuala Pilah.

Tergamam gadis sunti bersalin

Hartanmetro
6/8/15
mls 19

■ Budak 11 tahun lahirkan bayi lelaki

Oleh **Abnor Hamizam
Abd Manap**
am@hmetro.com.my
Jempol

Sepasang suami isteri terkejut apabila mengetahui anak gadis mereka yang berusia 11 tahun melahirkan seorang bayi lelaki secara songsang di sebuah klinik di Bahau, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 9 pagi itu, kanak-kanak itu dikatakan mengalami sakit perut dan memberitahu ibu bapanya sebelum dibawa ke sebuah klinik swasta untuk menjalani rawatan.

Sumber berkata, sebaik ti-

ba di klinik, doktor mendapati kanak-kanak itu sebenarnya menunggu masa untuk melahirkan anak.

"Disebabkan itu, doktor meminta ibu bapa terbabit membawa anaknya ke Hospital Jempol. Belum sempat dibawa ke hospital, air ketuban pecah dan kanak-kanak itu melahirkan bayi lelaki," katanya.

Menurutnya, bayi itu dilahirkan songsang seberat lebih satu kilogram dan dalam keadaan sihat.

Sumber berkata, kanak-kanak itu kemudian dibawa ke Hospital Jempol sebelum dipindahkan ke Hospital Tuanku Ampuan Na-

jihah, Kuala Pilah, dekat sini.

"Keluarga sangat terkejut kerana mereka tidak tahu kanak-kanak itu menganandung.

"Berikutan itu, bapa saudara mangsa membuat laporan di Balai Polis Bahau, di sini, semalam," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Hamzah Alias berkata, pihaknya sudah menerima laporan dibuat bapa saudara remaja terbabit.

Katanya, siasatan dijalankan membabitkan pelbagai sudut mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.